



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

MALAYSIA TECHLYMPICS 2025 ZON SELATAN: MOSTI PERKASA STI DAN BAKAT INOVASI BELIA

LEDANG 28 Julai 2025 – Program Malaysia Techlympics 2025 diteruskan dengan penganjuran Peringkat Zon Selatan yang berlangsung selama dua (2) hari, bermula 28 hingga 29 Julai 2025, bertempat di Kolej Kemahiran Tinggi MARA Ledang, Johor.

Program ini merupakan inisiatif berterusan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dengan kerjasama strategik daripada pelbagai agensi kerajaan, institusi pendidikan dan Jabatan Pendidikan Negeri Johor dan Melaka. Malaysia Techlympics merupakan antara usaha utama MOSTI dalam memupuk budaya Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) dalam kalangan generasi muda, seiring aspirasi Malaysia ke arah menjadi negara berteknologi tinggi menjelang 2030.

Penganjuran peringkat Zon Selatan kali ini mencatatkan penyertaan lebih 2,000 orang peserta daripada 120 buah sekolah di Negeri Johor dan Melaka. Para peserta bersaing dalam pelbagai pertandingan teknologi, menyertai bengkel interaktif serta aktiviti hands-on yang melibatkan bidang teknologi masa depan seperti kecerdasan buatan (AI), teknologi dron, pengaturcaraan, robotik, pengkomputeran awan dan IoT.

Sebagai sebahagian daripada komitmen terhadap prinsip keterangkuman dan keadilan pendidikan, Malaysia Techlympics 2025 turut melaksanakan Program Jangkauan Keterangkuman (Outreach). Inisiatif ini memastikan pelajar luar bandar dan komuniti kurang terdedah turut mendapat akses kepada pendidikan STEM secara langsung. Seramai lebih 1,500 pelajar dan 1,000 orang guru dari Zon Selatan

telah terlibat secara aktif dalam program outreach, termasuk latihan *Training of Trainers* (ToT) secara fizikal dan dalam talian.

Majlis perasmian program telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Mohammad Yusof bin Apdal, Timbalan Menteri Sains, Teknologi & Inovasi yang turut menyampaikan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat, khususnya Kerajaan Negeri Johor dan Melaka, Jabatan Pendidikan Negeri, institusi pengajian tinggi, agensi teknikal, industri serta para guru dan pelajar yang menunjukkan komitmen tinggi dalam menjayakan program ini.

Menurut beliau, Malaysia Techlympics bukan sekadar satu pertandingan, tetapi merupakan sebuah platform strategik untuk membina bakat masa depan negara, menyemai minat terhadap STI serta menerapkan kemahiran dan pengetahuan yang relevan bagi menghadapi cabaran Revolusi Industri 4.0 dan seterusnya.

Malaysia Techlympics 2025 akan diteruskan di zon-zon lain di seluruh negara sehingga November 2025 secara fizikal dan digital dari seluruh pelosok negara.

Untuk maklumat lanjut, sila layari: www.techlympics.my

Disediakan oleh,

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

28 Julai 2025